

21/08/1998

Jepun, Hong Kong campur tangan di pasaran

KUALA LUMPUR, Khamis - Jepun menyertai Hong Kong untuk campur tangan dalam pasaran jika spekulator terus mengancam kedudukan mata wang masing-masing.

Kenyataan pegawai kanan kewangan kedua-dua negara berkenaan menyebabkan dolar Amerika jatuh teruk sewaktu pembukaan dagangan di New York malam ini.

Mata wang Amerika itu menjunam kepada paras 141.55/65 yen bagi setiap dolar berbanding 144.02/12 yen sebelumnya, berikutan penjualan besar-besaran oleh pengurus dana berikutan kebimbangan campur tangan oleh kerajaan Jepun dan Hong Kong.

Peningkatan mendadak nilai yen dicetus oleh kenyataan diplomat kewangan kanan Jepun, Eisuke Sakakibara, yang dilaporkan sebagai berkata negaranya akan campur tangan.

Seorang lagi pegawai kanan Kementerian Kewangan Jepun, Haruhiko Kuroda menyokong kenyataan itu dengan berkata, Jepun akan campur tangan pada masa dan cara yang bersesuaian.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Kewangan Hong Kong (HKMA), Joseph Yam, berkata spekulator yang mengancam untuk menghancurkan 'model ekonomi' wilayah pentadbiran khas China itu, memaksanya campur tangan di pasaran.

Yam meminta kumpulan tujuh negara maju (G7) termasuk Jepun tidak menjauhkan diri daripada usaha campur tangan bagi mengekalkan kestabilan kewangan sejagat, terutama kestabilan mata wang.

"Saya mengakui campur tangan dalam pasaran sejak Jumaat lalu bukan berniat menaikkan harga saham dan pasaran hadapan, tetapi menjurus kepada spekulator yang mengeksploitasi keadaan," katanya dalam surat kepada Asian Wall Street Journal (AWSJ) hari ini.

Surat itu sebagai menjawab kritikan mengenai langkah kerajaan untuk campur tangan secara mengejut dan buat kali pertama di pasaran Jumaat lalu. HKMA, yang bertindak sebagai bank pusat Hong Kong, dikatakan menggunakan AS\$387 juta (RM1.5 bilion) untuk campur tangan.

Bagaimanapun, serangan 'serampang dua mata' spekulator terhadap mata wang dan pasaran hadapan Hong Kong sejak beberapa hari lalu, mencetuskan kebimbangan lebih besar kepada Asia kerana mata wang China dan Hong Kong saja yang boleh bertahan daripada dinilai semula setakat ini.

Jika Hong Kong yang selama ini bermegah dengan asas ekonomi dan kemantapan sistem lembaga mata wangnya, masih terdedah kepada serangan spekulatif, ia memberi gambaran pasaran baru muncul di rantau ini tidak mempunyai harapan untuk mengekang gejala kelemahan sistem kewangan antarabangsa.

Indeks Hang Seng terus melonjak hari ini untuk ditutup 1.57 peratus lebih tinggi kepada 7,742 mata setelah mencecah tertinggi harian 7,880 mata pada awal dagangan hari ini iaitu tahap tertinggi bulan ini.

Sejak campur tangan Hong Kong dalam pasaran saham dan pasaran hadapan, indeks Hang Seng melonjak 17 peratus daripada tahap terendah lima tahun.

Lonjakan yang turut mempengaruhi bursa saham serantau termasuk peningkatan luar biasa di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sejak tiga hari lalu, juga dikaitkan dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kemungkinan kerajaan membeli saham untuk merangsang pasaran.

Sehari kemudian, indeks komposit di BSKL naik lebih lapan peratus, tertinggi dalam sehari sejak Februari lalu. Indeks komposit di BSKL

ditutup tinggi hari ini sebanyak 7.57 mata atau 2.20 peratus kepada 351.04 kerana pengambilan untung manakala ringgit ditutup kukuh pada 4.16501750 daripada 4.2000/2100 semalam.

(END)